

Dari Sebulan ke Sebulan

Dengan anjuran kerajaan Malaysia, Tuan Mochtar Lubis, seorang pengarang yang terkenal di Indonesia yang telah ditahan lebih kurang sembilan tahun oleh regim Sukarno kerana bidasan-bidasannya telah datang melawat ke mari dan telah mendapat sambutan yang baik terutama dari golongan-golongan wartawan sendiri di ibu kota Malaysia. Sambutan-sambutan yang diberi adalah kerana khidmat-khidmatnya yang besar di dalam alam kewartawanan dan dengan kerana itu maka sambutan-sambutan atasnya di luar negeri baik sekali.

Mengenang jasa seseorang wartawan itu kerana perjuangan-perjuangannya yang berfaedah dan bermanfaat kepada masyarakat memang suatu pekerjaan yang terpuji apalagi dibuat oleh sebuah kerajaan. Tetapi yang mendatangkan soal, di dalam kita berasa bersyukur itu ialah mengenai keadaan nasib wartawan-wartawan di tanah air kita ini yang nampak-nampaknya tidak timbul barang sedikit pun perhatian dari pihak yang memegang tampuk pemerintahan kerana mungkin peranan mereka di dalam masa penjajahan dan menghidupkan semangat-semangat perjuangan itu tidak dinampak oleh golongan-golongan atasan kerana sesuatu barang yang hampir sangat dengan mata itu terkadang-kadang susah hendak menampaknya tetapi yang jauh dapat dinampak.

Kita berkeyakinan bahawa kalaulah tidak pengorbanan-pengorbanan dari wartawan-wartawan yang

telah meninggal dunia dan mungkin ada sebahagiannya masih hidup, semangat kemerdekaan dan kemerdekaan yang didapati oleh Malaysia tidak akan ada dan tidak akan timbul. Kalau yang mati tentulah keluarganya terfikir apakah gunanya suaminya menjadi wartawan kalau masyarakat dan kerajaan sendiri tidak menghargakan buah jasa yang dilangkahakan oleh bekas suami. Bagi yang hidup hanya mereka terkebil-kebil mendiamkan diri apalagi golongan-golongan muda mengkolot-kolotkan dan mengecil-gecilkan perjuangan-perjuangan yang lampau dan kedudukan mereka masa itu keadaan dan masanya berlainan daripada sekarang. Adakah nasib mereka hanya sebagai sampah di tepi jalan sahaja?

*

Sesudah tamat Konfrontasi, rombongan-rombongan dari Indonesia berulang-alik silih berganti tiba ke Malaysia dan yang demikian ini telah disebut oleh Tuan V. David dari Parti Buruh Bangsar sebagai suatu perbuatan membelanjakan wang yang tidak berfaedah dan adalah lebih baik katanya, kalau wang-wang itu dibelanjakan ke rancangan pembangunan yang lain.

Perbuatan kerajaan Malaysia sekarang, dengan sikapnya ini adalah terlalu merapatkan dirinya dengan agen-agen C.I.A. yang memegang kuasa di Indonesia. Seterusnya ia mensifatkan tindakan kerajaan Malaysia

ini melampau-lampau sangat sedang tidak diketahui sejauh mana kerajaan baru Indonesia itu akan hidup.

Perkataan yang serupa ini kalau timbulnya bukan dari V. David orang akan terperanjat tetapi kerana datangnya dari beliau, dari seorang Parti Buruh maka tuduhan-tuduhan yang demikian itu tidaklah menjadi barang baru kerana umum mengetahui bahawa kalau ada cita-cita ke kanan – ke blok Kanan tidak menyenangkan mereka. Tetapi kalaulah umpamanya bersahabat ke blok Kiri, ke China atau ke Russia umpamanya tentulah difikirkan bagus dan bersesuaian dengan langkah dan tari yang dikehendaki Tuan David. Mungkin beliau canggung hendak mengikuti tarian yang ditarikan oleh Tun Abdul Razak sekarang.

Begitulah juga nampak lahir berbaik-baik dengan orang yang serumpun dan sedarah sedaging tentunya tidak menyenangkan orang-orang seperti Tuan David – orang pun tahu dalam soal ini.

*

Tengku Abdul Rahman akan sedia berhenti dari menjadi pemimpin UMNO sekiranya UMNO memandang “salah” jalan yang dipilihnya untuk melaksanakan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini. “Biarlah saya dituduh pengecut atau bacul namun saya tetap tidak akan mengambil jalan kekerasan ke arah melaksanakan kedudukan bahasa Malaysia.” – kata Tengku.

“Kalau kita hendak melaksanakan dengan cara yang keras, saya tidak menjamin bahawa kita akan dapat melaksanakan tujuan itu dengan selamat”; sebaliknya kalau ada orang berpendapat bahawa cara yang hendak dilakukan oleh kerajaan itu tidak sesuai dan boleh dibuat dengan cara kekerasan maka terpulanglah kepada Persidangan UMNO menimbangkan.

Cara-cara Tengku mengemukakan satu-satu persoalan, sungguhpun lembut tetapi bersifat menggugat dan bersifat melepaskan tanggungjawab. Di dalam banyak perkara Tengku suka berlembut-lembut dan suka pula mencari jalan atau ikhtiar jangan ada pertumpahan darah. Ini sememangnya baik tetapi kalau sekiranya cara yang dijalankan itu menjauhkan segala kekerasan dan segala-galanya boleh merugikan dan memberikan apa yang ada untuk menyenangkan satu pihak maka sudah tentu yang demikian itu tidak digemari. Yang dikehendaki oleh umat terang bahawa di dalam segala urusan hendaklah dilakukan sebagai menarik rambut dalam tepung – ramput¹ tak putus, tepung tak berselerak. Maka oleh itu di dalam persoalan bahasa janganlah hendaknya sentiasa memberi hati untuk menyenangkan golongan dan bakal merugikan orang-orang yang dipimpin.

*

Ustaz Abu Bakar Baqir seorang ulama yang terkenal di Tanah Melayu menyatakan bahawa perkara yang mendukacitakan kalangan ulama-ulama sepertinya bukanlah perkara beberapa orang pemuda memeluk agama Kristian sebagaimana yang terhebah di dalam akhbar-akhbar tetapi ialah beribu-ribu orang keturunan Islam yang

masih mengaku beragama Islam tetapi telah tidak mematuhi hukum-hukum Islam, halal dan haram dipukul sama rata sahaja.

Beliau menegaskan bahawa penyelewengan dari ajaran-ajaran Islam tidak akan berlaku, kalau ajaran dan pendidikan Islam telah benar-benar tertanam di dalam jiwa anak-anak kita dan perkara enam orang pemuda masuk agama Kristian ialah contoh-contoh anak-anak yang tidak mendapat didikan agama Islam dengan secukupnya.

Sekalipun demikian ini tidak menghairankan dan mendukacitakan sangat jika dibandingkan dengan beribu-ribu orang keturunan Islam yang tidak mematuhi hukum Islam, bukan sahaja tidak mengamalkan ajaran Islam bahkan setengah-setengah mereka yang telah berpangkat tinggi berasa menjadi kemuliaan kalau minum arak dan seterusnya² pernah seorang wanita jelita dengan tidak silu-silu mempelawanya bersama-sama minum arak selepas makan malam dalam satu majlis.

Perkara yang disebutkan di atas ini tidaklah perkara rahsia – perkara yang telah umum diketahui. Soalnya yang timbul sekarang apakah suatu jalan yang dapat untuk membendung arus yang begini kuat membawa anak-anak kita (anak-anak Islam) menyeleweng sama ada dengan segera ataupun dengan perlahan-lahan.

Kita bergembira dengan adanya rancangan-rancangan luar bandar yang dianjurkan oleh kerajaan dalam bahagian ekonomi. Jalan-jalan raya dibuka untuk menjadi kemudahan orang-orang kampung keluar daripada tempat-tempatnya – terutama pemuda-pemudanya.

Gerakan pemuda pula ada yang diatur dengan suatu cara supaya penduduk boleh hidup bersama di antara semua bangsa yaitu suatu tujuan yang baik.

Rumah-rumah pertemuan diadakan untuk mereka. Tetapi di tempat-tempat itu perkara-perkara yang ada hanya perkara yang meleakakan pemuda-pemuda dan harus tidak ada langsung penampungan pemuda-pemuda itu dihidupkan dengan akhlak beragama yang sesuai dengan dasar bahawa agama rasmi dalam negeri itu ialah agama Islam. Perkara ini patut diperhatikan oleh alim-ulama.

*

Terlanjur menyebut persoalan di atas ini maka rasanya telah tiba masanya golongan Islam, terutamanya alim-ulamanya bermesyuarat dan berunding mencari jalan beramal untuk menghadapi persoalan-persoalan yang dihadapi mereka hari ini. Golongan agama masih kuat dengan sentimennya syak-mengesyaki di antara satu sama lain; tuduh-menuduh di antara satu golongan dengan golongan yang lain dan akhirnya kata persatuan tidak ada. Perpecahan ditimbulkan kerana celamencela dan akhirnya masyarakat Islam terbiar dan jadilah seperti keadaan hari ini.

Cara hidup telah dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh asing dan dijiwai oleh jiwa-jiwa Kristian sehingga ada perayaan-perayaan berbilang ala Kristian dipakai oleh orang-orang kita Islam.

Adakah golongan Islam terutama alim-ulamanya, tidak mahu berunding sesama kita, untuk mencari jalan sekurang-kurangnya apakah yang patut dikemukakan kepada kerajaan supaya

¹ Perkataan sebenar ialah rambut.

² Perkataan sebenarnya adalah seterusnya.


jangkan badan-badan kerajaan sendiri melanda umat Islam supaya terpusing atau terpesong daripada ajaran-ajarannya dengan langkah-langkah yang tidak disedari.

Selama ini golongan kita yang kecil kalau berdiam dan berpeluk tubuh mungkin orang-orang atasan itu tidak menyedari dan tidak ada niatannya bahawa langkah-langkahnya itu boleh berencana kepada masyarakat. Janganlah hendaknya ada di dalam niatan baik mereka timbul suatu perkara yang tidak disedari apalagi setengah-setengah mereka itu sememangnya berasa sudah begitu pandai dan tidak mahu bertanya atau meminta fikiran kepada perkara-perkara yang ia jahil di dalamnya.

Mudah-mudahan alim-ulama yang di luar daripada lingkungan kerajaan akan cepat bergerak untuk mencari jalan mengadakan rundingan di antara sesama sendiri untuk kelak bagi melepaskan diri daripada persoalan di hadapan Allah.

*

Penulis khas di Timur Tengah bagi majalah "*Muslim News International*" di Karachi telah menulis riwayat berkenaan bagaimana Gamal Abdel Nasser telah melakukan pembunuhan yang kedua terhadap musuh-musuhnya dari *Ikhwān al-Muslimīn* dinyatakan bahawa di Kaherah ada siaran-siaran radio yang bernama "Suara Islam" yang menyatkaan dengan tegasnya dasar-dasar yang menuju kepada perpaduan umat Islam. Di dalam perjalanan pelajaran di Mesir *President* Gamal Abdel Nasser adalah menjadi penaung al-Azhar dan telah "dimodernkan" fatwa-fatwanya mengikut kehendak-kehendak yang menyokong langkah-langkah Gamal



Kesibukan kota Istanbul di Turki. Jambatan yang kelihatan itulah memperhubungkan di antara Turki Timur dengan Turki Barat.

Abdel Nasser yang tidak sejalan dengan Islam yaitu langkah-langkah sosialisnya yang membenarkan mengambil harta-harta orang perseorangan dan dijadikan hak-hak negara dan lain-lainnya. Perbuatan ini merosakkan imej al-Azhar sebagai tempat pengajian yang tertua di dalam dunia. Yang demikian ini juga dilakukan kepada badan-badan lain.

Saya masih ingat satu masa hadir sembahyang Jumaat di Masjid al-Hussein di Kaherah yang berhampiran dengan al-Azhar dan Gamal Abdel Nasser hadir di sana. Khatib yang sedang membaca khutbah berhenti membaca khutbah apabila Gamal Abdel Nasser datang. Ia masuk ke dalam masjid, katanya, sebagai seorang pahlawan. Imam terus diam di dalam mana sambutan dan sorak-sorai bergemuruh di dalam masjid kerana menyambut ketibaan Gamal Abdel Nasser. Abdel Nasser membalas dengan gembiranya

dan menggalakkan. Seorang yang menyambut tidak berpuas hati dengan sorak-sorai sahaja tetapi ia terus mengeluarkan kertas dari dalam sakunya lalu membaca suatu syair yang memuja-muja Gamal Abdel Nasser.

Dengan ringkasnya, katanya, selama lima belas atau dua puluh minit baharu dapat ditenangkan supaya imam dapat membaca khutbahnya. Seorang Mesir yang duduk berhampiran dengan saya, katanya, menarik perhatian dengan berkata, "Tidak ada seorang pun di sini yang bangkit memberitahu orang ramai bahawasanya bertepuk dan berteriak-teriak adalah ditegah di dalam masjid."

*

Terlanjut bercerita berkenaan dengan Mesir maka bacalah pula apa kata penulis "*Muslim News International*" mengenai dengan

perdirian Mesir sekarang terhadap Islam dan fahaman Arab. Adalah sebenarnya orang-orang Mesir sangat kearaban daripada lainnya. Sebelum itu orang Mesir memandang dirinya lain daripada orang Arab dan bergembira dengan asal keturunan mereka daripada zaman-zaman Firaun. Tetapi kemudian kerajaan Mesir mulai mengenalkan diri mereka dengan Arab dan dengan pimpinan orang Arab dan kemudian menjadi sebuah negara Arab yang besar.

Tetapi sekarang, kata penulis itu, dengan sepintas lalu pendirian orang Mesir di dalam hati mereka, menunjukkan keadaan yang demikian dan kerajaan Mesir yang sekarang masih jauh daripada perasaan kearaban. Dengan semangat yang meluap-luap dalam pemerintahan Mesir mereka mendapat kehormatan dan cita-cita yang tinggi bukan daripada asal Islam dan Arab tetapi daripada kebesaran-kebesaran zaman yang silam (zaman Firaun).

Banyak siaran-siaran yang dibagikan kepada *tourist-tourist*. Hingga sekarang, menyatakan Arab ialah “sebagai penakluk” yang telah meruntuhkan harta benda kebudayaan Mesir. Bendera Mesir telah bertukar daripada keislaman dan kearaban bulan sabit dan tiga bintang. Duit-duit Mesir digambarkan dengan gambar dan lambang Firaun, katanya. Patung Ramesses (Firaun) adalah menghiasi suatu halaman pusat keretapi di Kaheerah. Seinggakan *motorcar* kecil Mesir (yang serupa dengan Fiat 600) dinamakan Ramesses (Firaun). Padang, jalan raya, wayang gambar dan lain-lainnya menggunakan nama orang-orang besar zaman Firaun. Piagam Mesir telah membuang Islam

negara yang terkandung di dalam perlembagaan. Sebaliknya orang-orang miskin, pekerja-pekerja, peladang-peladang dan orang-orang kebanyakan sentiasa taat kepada Islam. Mereka sangat megah yang mereka berasal dari Islam dan tidak memandang kedatangan Arab ke Mesir sebagai “penyerang”. Kepada mereka kedatangan tentera Arab adalah sebagai membebaskan dan membuka tamadun Mesir membawa penerangan dan pengetahuan Islam, katanya. Keadaan sekarang untuk kemajuan di Mesir telah memilih sosialisme, pendirian yang progresif dan kemegahan kebesaran kerajaan yang telah lalu dan orang-orangnya sedang penduduk-penduduknya tetap mencintai agamanya dan tidak berdukacita beragama dengan agama itu. Oleh yang demikian orang-orang Mesir yang “progresif” akan menerima orang-orang Pakistani, Saudi atau ataupun orang-orang Nigeria dengan

bantahan yang sejuk sedang orang-orang kebanyakan Mesir yang miskin dahaga hendak berjumpa seseorang Islam. Di dalam bandar dan kampung-kampung penduduknya akan gembira menjumpai seseorang saudara Islamnya dari negeri lain dan mengadakan sambutan dengan baik. Inilah sebenarnya semangat *Ikhwān* dan mengenainya almarhum Liaquat Ali Khan satu masa berkata bahawa Pakistan tidak berhajat kedutaan di dalam negara-negara Arab selagi di sana ada *Ikhwān* – sekian katanya.

Tidaklah persoalan ini perlu diulas.

Kata-kata Hikmah

Akal itu tumbuh sebagaimana tumbuhnya tanam-tanaman dan tumbuhnya itu adalah dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalaman hidup.



Sebuah tugu peringatan perang yang didirikan di tengah-tengah kota Istanbul

—Turki.